

MARTABATKAN BAHASA MELAYU

PADA 18 Mei lalu genaplah usia Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-46. Dengan usia yang cukup matang itu, UKM kini boleh berbangga dengan kedudukannya sebagai salah satu universiti awam utama di negara ini sekali gus menjadi antara pilihan para pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

Bukan sahaja dalam kalangan pelajar tempatan malah UKM turut menjadi tumpuan pelajar luar negara terutama pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD). Semuanya ini adalah hasil daripada usaha keras warga UKM lebih empat puluh tahun yang lalu.

Jika disusuri kembali sejarah penubuhannya secara rasmi iaitu pada 18 Mei 1970, objektif diwujudkan UKM itu adalah untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa ilmu tinggi dan pada masa sama memberi lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar Melayu melanjutkan pelajaran ke universiti dalam pelbagai bidang termasuk sains dan teknologi.

Penubuhan UKM juga adalah hasil kesungguhan serta iltizam politik para pemimpin Melayu ketika itu yang diketuai oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussain. Beliau kemudian dilantik sebagai Canselor UKM yang pertama bermula 7 Julai 1970 hingga 14 Januari 1976 sebelum diganti dengan Almarhum Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

Berbalik kepada matlamat asal penubuhan UKM, boleh dikatakan universiti awam tersebut berjaya mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi sejak mula-mula ditubuhkan dengan menjadikan bahasa itu sebagai bahasa pengantar di semua fakulti. Paling istimewa pensyarah yang ditugaskan mengajar wajib menggunakan bahasa Melayu dalam kuliah walaupun mereka terdiri daripada pelbagai bangsa dan negara seperti Amerika Syari-



SAIFULIZAM MOHAMAD

rencana@utusan.com.my

kat (AS) mahupun Eropah.

Sebelum mengajar di fakulti yang ditetapkan mereka terpaksa mempelajari bahasa Melayu bagi tujuan pembelajaran digunakan dalam bahasa itu. Perkara tersebut diakui sendiri oleh Felo Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari), UKM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo yang juga bekas Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Beliau ialah antara kumpulan pelajar Melayu terawal yang melanjutkan pengajian di UKM dalam bidang sains. Beliau memasuki UKM pada 1972 dan berjaya menamatkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda (sains) pada 1976.

Dalam satu pertemuan selepas menjadi ahli panel Bicara Persada ke-30 yang bertajuk *Bahasa Kebangsaan Dalam Pendidikan Tinggi: Terpahat atau Terpinggir?* di UKM baru-baru ini, beliau memberitahu semua pensyarahnya mengajar dalam bahasa Melayu tanpa masalah walaupun buku rujukan setiap subjek yang berkaitan sains adalah dalam bahasa Inggeris.

Selain beliau, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Tan Sri Zulkifli Abdul Razak dan Ketua Eksekutif, Yayasan Karyawan, Datuk Zainal Abidin Borhan turut dijemput sebagai ahli panel manakala Syed Munawar Syed Mustar bertindak sebagai moderator.

"Pensyarah saya ada yang dari Eropah dan AS. Mereka mengajar kami dalam bahasa Melayu. Kami faham apa yang mereka sampaikan meskipun buku-buku rujukan dalam bahasa Inggeris. Bagi kami itu tidak menjadi masalah," ujarnya.



SALAH seorang peserta bertanyakan soalan kepada ahli panel dalam program Bicara Persada bertajuk Bahasa Kebangsaan Dalam Pendidikan Tinggi: Terpahat atau Terpinggir? di UKM, Bangi, baru-baru ini. - UTUSAN/SHAFUDIN MOHD. NOR

Sebagai pelajar terawal UKM, Ibrahim yang juga pakar geologi berkata, sebagai universiti yang ditubuhkan untuk mengangkat martabat bahasa Melayu ilmu tinggi di negara ini, UKM sebenarnya berjaya menggalas tugas tersebut dengan baik.

Bermula 1970 katanya, UKM tidak menoleh ke belakang sebaliknya terus memperjuangkan bahasa Melayu dalam sistem pengajiannya di setiap fakulti termasuk fakulti perubatan. Selain sesi pengajian dalam kuliah, UKM juga membudayakan bahasa Melayu dalam penyelidikan, seminar, penulisan jurnal, penulisan ilmiah, kertas kerja dan tesis.

"Akhirnya pada 1990, saya boleh katakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi telah mencakupi semua disiplin ilmu dalam semua bidang. Malah UKM juga muncul sebagai universiti awam yang berjaya melahirkan pakar-pakar perubatan yang mampu mengaplikasikan penggunaan bahasa Melayu ilmu tinggi dalam bidang mereka," katanya lagi.

Begitu juga dalam bidang-bidang lain khususnya sains dan

teknologi, UKM berada paling hadapan dalam konteks menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Pada tahun 2000 berlaku pula proses pemantapan bahasa Melayu ilmu tinggi di universiti tersebut namun prosesnya agak perlahan selepas itu disebabkan perubahan dasar. Pada masa itu pihak universiti berada dalam persimpangan sama ada mahu meneruskan matlamat asal perjuangan penubuhan atau sebaliknya.

Bagaimanapun Ibrahim dalam pertemuan itu tetap optimis kegemilangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi sebagaimana yang pernah berlaku antara tahun 1970 hingga 2000 mampu dikembalikan semula cuma usaha tersebut memerlukan iltizam semua pihak termasuk politik dan pimpinan peringkat universiti.

"Saya yakin ahli akademik yang ada di negara ini amat mengharapkan era itu dikembalikan kerana bagi kami bahasa Melayu sebenarnya adalah satu bahasa yang cukup hebat dan mampu menjadi bahasa ilmu tinggi setanding dengan bahasa Jepun, Jerman, Korea, Cina, Sepanyol dan Portugal," kata beliau ketika menutup bicara.